

TARIKH	23 / 11 / 2016	SEKSYEN	VIRAL DI FB
MUKA SURAT	23	RUANGAN	

Ringgit laku di Makkah

➔ TH, agensi sangkal dakwaan disebar dalam media sosial

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) semalam menafikan dakwaan kononnya mata wang Malaysia tidak diterima pengurup wang di Makkah dan Madinah seperti disebar dalam media sosial.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporatnya dalam sa-

tu kenyataan, berkata pemantauan melalui Pejabat TH di Jeddah mendapati mata wang Malaysia diterima seperti biasa di kedua-dua kota suci berkenaan.

Kad ATM berfungsi

"Dakwaan kononnya kad ATM atau debit yang mempunyai fungsi pengeluaran wang antarabangsa tidak diterima juga adalah palsu. Penggunaan kad ATM atau debit perlu mengikut tatacara yang betul dan diaktifkan fungsi pengeluaran antarabangnya," kata kenyataan itu.

Sehubungan itu, jemaah Malaysia yang ingin ke Tanah Suci dan berhasrat menggunakan perkhidmatan kad ATM atau debit diminta berhubung terus dengan bank pengeluar untuk maklumat berkaitan pengguna-

an yang betul.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd (Andalusia), Datuk Md Daud Che Ngah, menegaskan pihak yang menyebarkan ceramahnya mengenai transaksi ringgit di Arab Saudi, tidak mendengar keseluruhan penjelasan sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

"Pihak yang menyebarkan berita ini sepatutnya dengar dari awal nasihat saya kepada jemaah supaya membawa ringgit atau menukarnya dengan wang Arab Saudi atau dolar Amerika. Itu kenyataan awal saya pada permulaan ceramah apabila ditanya oleh jemaah," katanya yang turut berharap pihak menyebarkan berita palsu berkenaan supaya menghubunginya dan segera bertaubat.

Makluman terkini saya terima dari Dato' Daud Che' Ngah dlm kursus Umrah semlm 19.11.2016 (Sabtu) berita yg baru d terima dari jemaah umrahnya d Mekah, kita d nasihat kan membawa duit dlm nilai rial atau us dolar tunai yg telah d tukar trlebih dahulu d Malaysia. Kerana money changer d sana tidak mahu menerima ringgit malaysia...sekian utk makluman jemaah Group Umrah kita.

12:09 PM